



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN KIBOD DALAM MEMBANTU MASALAH LEMAH  
BACAAN SEMERTA DI KALANGAN PELAJAR MUZIK TINGKATAN  
SATU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SYED HASSAN,  
KANGAR PERLIS**

**MARTHA ANAK TOM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKANINI UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMENUHI IJAZAH SARJANA  
PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2011**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Bahawanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah dicatatkan sumbernya.

Tarikh : 18 Mei 2011

.....

(MARTHA ANAK TOM)

M20082000239



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged.

Date : 18 May 2011

.....  
(MARTHA ANAK TOM)

M20082000239



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan kuasa dan keberkatannya saya dapat menyempurnakan penulisan laporan penyelidikan ini yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Segala ilmu yang dicurahkan dan budi yang sangat mulia hanya dapat dibalas oleh Tuhan Yang Maha Esa. Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya, YM Raja Azuan Nahar bin Raja Adnan, Timbalan Dekan(Pasca Siswazah dan Penyelidikan), Prof. Madya Zaharul Lailiddin bin Saidon dan pensyarah-pensyarah lain kerana banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang amat berharga sehingga saya dapat menyempurnakan kajian ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat ini.

Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Pengetua SMK Syed Hassan, Kangar Perlis kerana telah memberi sokongan dan kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sekolah. Seterusnya kepada penolong kanan serta rakan-rakan guru muzik yang banyak membantu saya sepanjang menjalankan kajian ini. Kepada pelajar-pelajar muzik Tingkatan 1 yang menjadi responden kajian tindakan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak rasa terima kasih di atas penglibatan dan kerjasama yang telah diberikan. Saya amat menghargai sumbangan yang telah diberikan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah dan ibu saya, Encik Tom anak Lahed dan Puan Mary@ Lungke anak Chapah yang banyak memberi sokongan, dorongan dan sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya sepanjang mengikuti pengajian ini. Tidak lupa kepada suami tercinta, Koperal Justin Tollan anak Sapaw yang menjadi penyuntik semangat dan dorongan serta sentiasa bersabar menghadapi segala rintangan. Sejambak kasih kepada anak-anak, Vannessa Ashley, Lanz Marvann dan Elzra Nathanael Habel kerana begitu memahami kesibukan yang dihadapi oleh ibunya sehingga terpaksa berdikari sendiri untuk menguruskan waktu belajar dan keperluan harian sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Akhir kata, saya berharap agar kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada pengkaji yang lain dan akan menjadi rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukannya pada masa akan datang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGGUNAAN KIBOD DALAM MEMBANTU MASALAH LEMAH BACAAN SEMERTA DI KALANGAN PELAJAR MUZIK TINGKATAN SATU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SYED HASSAN, KANGAR PERLIS

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bagi meninjau penggunaan kibod dalam membantu masalah lemah bacaan semerta di kalangan pelajar muzik Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Kangar Perlis. Masalah ini wujud kerana pelajar cenderung untuk menghafal bunyi atau pic pada melodi dan bermain muzik secara ‘by heart’ sahaja. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 15 orang pelajar. Dalam kajian ini, data dikumpul melalui beberapa cara seperti soal selidik, temu bual, pra ujian dan membuat pemerhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik yang telah dirancang di dalam Rancangan Mengajar Harian. Rancangan Mengajar Harian tersebut telah dilaksanakan selama 12 sesi pengajaran. Sepanjang proses pengajaran, beberapa latihan pengukuhan teori muzik dan juga latihan amali yang berfokus kepada aspek nilai not, corak irama, detik dan tempo telah disediakan dan dilaksanakan semasa pengajaran di dalam bilik darjah. Hasil kajian mendapati, setelah menjalankan aktiviti muzik menggunakan kibod, pelajar-pelajar menunjukkan peningkatan dalam kemahiran bacaan semerta. Diharap penggunaan kibod dapat digunakan oleh guru-guru muzik lain bagi mengatasi masalah lemah bacaan semerta di kalangan pelajar muzik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

# THE EFFECT OF USING KEYBOARD TO HELP IN SOLVING THE SIGHT READING PROBLEMS AMONG FORM ONE MUSIC'S STUDENTS AT SYED HASSAN'S SECONDARY SCHOOL, KANGAR, PERLIS

## ABSTRACT

The action research was done in order to observe the usage of keyboard in solving the problems of sight reading among music students in form one at Syed Hassan's Secondary School in Kangar, Perlis. The problems exist because most students prefer memorizing the sound or pitch in the melody and playing the music only by heart. There were 15 students involved in this researched. The data in this action research were collected through several methods such as questionnaires, interviews, pre-tests and observations in the teaching and learning of Music Education in the class according to the daily lesson plans. The daily lesson plans had been conducted within 12 sessions in the learning process. Along the learning process, a few enrichment and practical activities focusing on the note, rhythm pattern, beat and tempo aspects had been prepared and conducted during the learning activities in the class. Based on the researched, after using the keyboard during their music activities, it shows that there were improvements in the student's performance for their sight reading skills. Based on the result, it was hope that the usage of keyboard in teaching music can be used and applied by music's teachers in order to overcome the problems of sight reading among music's students.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

Muka surat

Pengakuan	ii
Penghargaan	iv
Abstrak dalam Bahasa Melayu	v
Abstrak dalam Bahasa Inggeris	vi
Kandungan	vii
Lampiran	x
Senarai Jadual	x
Senarai singkatan/istilah	x

## BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.4.1 Objektif Umum	10
1.4.2 Objektif Khusus	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Definisi Istilah	12
1.7 Signifikan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	14

## BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Pengertian Kajian Tindakan	17
2.3 Teori Pendekatan Pengajaran Pendidikan Muzik	21
2.3.1 Teori Perkembangan Individu	21
2.3.2 Pendekatan Pengajaran Kodaly	22



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



2.3.3 Pendekatan Pengajaran Carl Orff	23
2.4 Kajian Tentang Kemahiran Bacaan Semerta Dalam Muzik	23
2.4.1 Membuat Bacaan Notasi Muzik Secara Imbasan Sebelum Bermain Alat	24
2.4.2 Kepentingan Aspek Irama Di Dalam Bacaan Semerta	25
2.5 Kepentingan Kemahiran Bacaan Semerta Kepada Pelajar Muzik Di Sekolah Menengah	26
2.6 Teknik Menguasai Kemahiran Bacaan Semerta	28
2.7 Rumusan Kajian Literatur	30

### BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	32
3.2 Rekabentuk Kajian	33
3.3 Subjek Kajian	35
3.4 Lokasi Kajian	35
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	35
3.6 Instrumen Kajian	36
3.7 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	38

### BAB 4 : HURAIAN DAN ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	43
4.2 Dapatan Kajian Berdasarkan Pemerhatian	44
4.3 Dapatan Kajian Berdasarkan Temubual	45
4.4 Dapatan Kajian Berdasarkan Soal Selidik	47
4.4.1 Data Latar Belakang Responden Kajian	47
4.4.2 Analisis Data Soal Selidik Kesan Penggunaan Kibod Sesi 1-3	48
4.4.3 Analisis Data Soal Selidik Kesan Penggunaan Kibod Sesi 4-6	49
4.4.4 Analisis Data Soal Selidik Kesan Penggunaan Kibod Sesi 7-9	51
4.4.5 Analisis Data Soal Selidik Kesan Penggunaan Kibod Sesi 10-12	52
4.4.6 Analisis Data Pra Ujian	53
4.5 Rumusan	54





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 5 : REFLEKSI PENGAJARAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	55
5.2 Ulasan dan Refleksi Pengajaran	56
5.2.1 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 1	56
5.2.2 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 2	57
5.2.3 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 3	57
5.2.4 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 4	58
5.2.5 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 5	58
5.2.6 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 6	59
5.2.7 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 7	59
5.2.8 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 8	60
5.2.9 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 9	60
5.2.10 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 10	61
5.2.11 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 11	61
5.2.12 Ulasan dan Refleksi Rancangan Pengajaran Sesi 12	62
5.3 Rumusan dan Cadangan Terhadap Pelajar	63
5.4 Rumusan dan Cadangan Terhadap Guru	64
5.5 Rumusan dan Cadangan Terhadap Sekolah	66
5.6 Kesimpulan	69

<b>RUJUKAN</b>	70
----------------	----

<b>RUJUKAN INTERNET</b>	73
-------------------------	----

## LAMPIRAN

Lampiran A Rancangan Mengajar Harian	75
--------------------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Lampiran B	Soal Selidik Penilaian Pelajar Terhadap Sesi Pengajaran	166
Lampiran C	Pra Ujian	178

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Jadual Perancangan Pengajaran	38
------------	-------------------------------	----

## ISTILAH/SINGKATAN

FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Menurut McNiff (1988), Kajian Tindakan adalah satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ia juga bertujuan memberi penambahbaikan kepada sesuatu perkara untuk melakukan perubahan dipersekutuarannya kepada satu keadaan yang lebih baik.

Di dalam kajian ini, saya ingin meninjau penggunaan kibod dalam mengatasi masalah lemah bacaan semerta. Kemahiran bacaan semerta merupakan satu kemahiran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang perlu dikuasai oleh pelajar yang mengambil Pendidikan Muzik sebagai satu bidang khusus di sekolah. Mereka perlu mempelajari elemen-elemen muzik yang seterusnya akan mengukuhkan kemahiran nyanyian, permainan alat muzik, mengimprovisasi dan merekacipta. Berdasarkan pengalaman mengajar selama 3 tahun di sekolah menengah, saya mendapati kebanyakkan pelajar muzik menghadapi masalah lemah bacaan semerta. Masalah ini bukan sahaja dialami oleh pelajar Tingkatan Satu tetapi turut melibatkan pelajar-pelajar muzik di Tingkatan Dua hingga Lima. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini saya hanya akan memfokuskan permasalahan ini kepada pelajar muzik di Tingkatan Satu sahaja.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kelemahan kemahiran bacaan semerta di kalangan pelajar muzik di sekolah saya dilihat berpunca dari beberapa aspek seperti kurangnya minat pelajar untuk mempelajari asas teori muzik. Selain itu, pelajar juga menganggap kelas muzik adalah kelas untuk bermain alat-alat muzik sahaja. Cara penyampaian pengajaran yang agak membosankan daripada guru juga menyebabkan pelajar lemah di dalam kemahiran bacaan semerta. Kesan daripada kelemahan ini menyebabkan pelajar muzik lemah di dalam kemahiran bacaan semerta dan lebih cenderung bermain muzik secara 'by heart'. Untuk mengatasi masalah ini, saya telah mencuba menggunakan kibod sebagai bahan bantu mengajar bagi membantu masalah lemah bacaan semerta di kalangan pelajar muzik di sekolah saya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar belakang Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, (1991), membaca bermaksud ‘memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya’.

Klein, dkk. (dalam Farida Rahim, 2005: 3) mengemukakan bahawa definisi membaca mencakup: *pertama*, membaca merupakan suatu proses. Maksudnya adalah informasi dari teks dan pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca mempunyai peranan yang utama dalam membentuk makna. *Kedua*, membaca adalah strategis. Pembaca yang

efektif menggunakan berbagai strategi membaca yang sesuai dengan teks dan konteks dalam rangka mengonstruksi makna ketika membaca. Strategi ini bervariasi sesuai dengan jenis teks dan tujuan membaca. *Ketiga*, membaca merupakan interaktif. Keterlibatan pembaca dengan teks tergantung pada konteks. Orang yang senang membaca suatu teks yang bermanfaat, akan menemui beberapa tujuan yang ingin dicapainya, teks yang dibaca seseorang harus mudah dipahami (*readable*) sehingga terjadi interaksi antara pembaca dan teks.

(<http://pencilbooks.wordpress.com/2008/12/16/pengertian-membaca/>)

Penyelidikan ini merujuk kepada permasalahan yang wujud di kalangan pelajar muzik Tingkatan Satu di sekolah saya iaitu SMK Syed Hassan, Kangar Perlis. Di dapati masih terdapat pelajar yang belum dapat membaca notasi dan corak irama secara ‘bacaan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

semerta'. Tahap penguasaan membaca skor secara semerta ini masih belum mencapai objektif yang disasarkan kerana pelajar lebih cenderung untuk menghafal bunyi atau pic pada melodi lagu dan bermain secara 'by heart' sahaja. Kajian terhadap permasalahan ini ini juga bertujuan untuk melihat kepada faktor apakah yang menyebabkan pelajar muzik di sekolah menengah tidak dapat menguasai kemahiran membaca skor secara ' bacaan semerta' dengan lancar. Merujuk kepada Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KPM, 2003) ianya merangkumi 4 aspek yang perlu didedahkan dan dikuasai oleh pelajar. Empat aspek tersebut ialah Persepsi Estetik, Pengalaman Muzikal, Ekspresi Kreatif dan Penghargaan Estetik. Keempat-empat aspek ini memberi fokus pengajaran kepada produk iaitu pelajar di mana mereka akan mempelajari dan mendapat pengetahuan tentang elemen muzik di samping pengalaman bermain muzik.

Walaupun saya mengesan terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar saya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, saya hanya akan memfokuskan kajian ini kepada aspek nilai not, corak irama, detik dan tempo. Semasa di dalam kelas, pelajar-pelajar memang sudah diajar tentang aspek-aspek tersebut tetapi mereka dilihat masih kurang mahir dan tidak memahami malah tidak dapat mengaplikasikannya semasa latihan praktikal. Saya juga membuat refleksi kendiri terhadap cara saya mengajar di dalam kelas yang mungkin juga menjadi faktor kelemahan kepada para pelajar. Sebelum ini, saya telah mengajar pelajar tentang kesemua aspek tersebut dan meminta pelajar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



menepuk corak irama yang diberi manakala saya sebagai guru akan menepuk detik sebagai panduan. Namun saya rasa ianya kurang menarik.

Oleh itu, saya ingin menggunakan bahan bantu mengajar iaitu alat kibod untuk membantu masalah lemah bacaan semerta di kalangan pelajar dan hanya memfokuskan kepada empat aspek iaitu nilai not, corak irama, detik dan tempo. Saya memilih kibod kerana kibod mempunyai alat metronome yang boleh memberi panduan kiraan detik dan tempo lagu semasa latihan bacaan corak irama. Selain itu, kibod juga mempunyai pelbagai jenis bunyi alat muzik yang dapat menarik perhatian pelajar untuk berlatih menggunakan pelbagai jenis bunyi yang mereka suka. Dan yang paling utama sekali ialah kerana kibod sememangnya telah diperuntukkan di sekolah sebagai salah satu bahan bantu mengajar dan peluang ini perlu digunakan sepenuhnya di samping memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kibod.

Subjek kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Muzik Tingkatan 1, di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Kangar Perlis. Dalam kajian ini, 4 sesi pengajaran pada setiap minggu persekolahan akan dilaksanakan kepada 15 orang pelajar iaitu mengikut jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Soalan-soalan temubual terbuka dan berbentuk kaji selidik juga akan diberi kepada pelajar untuk mengkaji refleksi pelajar terhadap sesi pengajaran yang dijalankan.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran bacaan semerta bermula daripada penguasaan kepada asas teori muzik. Di sekolah semua pelajar muzik perlu menguasai asas teori muzik sebelum mereka dapat mendalami dan meneroka semua aktiviti muzikal seperti nyanyian, permainan alat, gubahan kreatif dan sebagainya. Di sini peranan seorang guru muzik adalah penting dalam mendidik dan membentuk seseorang pelajar muzik itu agar mereka benar-benar berkualiti dari aspek muzikal. Sebagai tenaga pengajar juga, seseorang guru muzik itu juga perlu mempunyai ilmu dan kemahiran muzikal yang baik sama ada dari aspek teori ataupun kemahiran secara praktikal.



Fokus permasalahan di dalam kajian saya ini lebih menjurus kepada kepada masalah mengapa pelajar muzik di sekolah tidak dapat menguasai kemahiran membaca skor muzik secara ‘bacaan semerta’ dengan lancar’. Permasalahan ini menarik minat saya untuk dijadikan bahan kajian berdasarkan pengalaman saya sebagai guru muzik di sekolah. Peratusan kecenderungan pelajar tidak menguasai teknik pembacaan skor mengikut corak irama yang terdapat di dalam penulisan skor lagu adalah agak tinggi dan pelajar lebih selesa untuk bermain secara ‘by heart’ iaitu mendengar dan menghafal bunyi muzik yang sepatut dimainkan secara pembacaan yang betul mengikut notasi muzik yang digubah.

Tidak dapat dinafikan bahawa kemahiran mendengar juga merupakan elemen penting di dalam menghayati muzik. Tetapi kemahiran mendengar ini perlu disusuli





dengan pengukuhan asas teori muzik yang melibatkan asas pembacaan corak irama dengan betul mengikut tempo dan meter lagu yang betul dan tepat. Ia juga akan memberi kesan kepada kualiti persembahan pelajar semasa bermain alat muzik di samping mencerminkan ciri-ciri pelajar muzik yang sepatutnya sudah boleh menguasai asas teori muzik.

Berdasarkan pengalaman mengajar di sekolah menengah, pelajar muzik yang dipilih masuk mengikut kelas aliran muzik adalah berdasarkan pencapaian yang baik di dalam UPSR dan mempunyai kemahiran di dalam bidang muzik seperti telah mempunyai sijil muzik daripada ABRSM. Selain daripada itu, minat kepada bidang muzik juga mendorong seseorang pelajar itu untuk menceburkan diri ke dalam bidang muzik di sekolah. Walau bagaimanapun, saya melihat terdapat kebanyakan pelajar muzik memilih mata pelajaran muzik kerana menganggap muzik itu sebagai hiburan semata-mata tanpa mengerti apakah isi kandungan sukatan mata pelajaran Pendidikan Muzik yang sebenarnya. Ini dapat diperhatikan ketika mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran asas teori muzik, para pelajar akan mula berasa bosan dan kurang menumpukan perhatian semasa di dalam kelas berbanding dengan aktiviti muzikal seperti menyanyi atau bermain alat muzik.

Apabila pelajar tidak dapat menguasai asas teori muzik, pelajar akan menghadapi kesukaran untuk membuat aktiviti muzikal secara praktikal. Ini adalah kerana di dalam muzik penguasaan kepada beberapa konsep dan eleman muzikal merupakan asas kepada





pelajar untuk lebih mudah meneroka dan merasai pengalaman muzikal. Kebanyakan pelajar juga lebih suka menggunakan teknik hafalan atau ‘by heart’ ketika bermain alat muzik ataupun menyanyi tanpa cenderung untuk meneliti dan menganalisa skor yang diberi. Ini adalah kerana berpunca daripada kelemahan menguasai asas teori muzik.

Kemahiran bacaan semerta bermula daripada penguasaan membaca notasi iaitu mengenali nama not, mengetahui nilai not, kemahiran membaca kiraan pada corak irama dan beberapa lagi elemen di dalam konsep muzik. Jika seseorang pelajar muzik itu tidak mahir di dalam bacaan semerta, mereka diibaratkan seperti pelajar yang tidak tahu membaca buku. Kesan daripada kelemahan menguasai teknik bacaan semerta menyebabkan pelajar mengambil jalan pintas dan memilih teknik hafalan.

Teknik hafalan sebenar turut digunakan di dalam kemahiran bermain alat tetapi aspek utama yang perlu diutamakan ialah kemahiran membaca notasi dengan cepat dan lancar iaitu melalui kemahiran bacaan semerta. Setelah mahir dan dapat membuat bacaan semerta barulah teknik menghafal dipraktikkan iaitu semasa membuat persembahan muzikal seperti orkestra, pancaragam, koir dan sebagainya. Jika pelajar muzik menitikberatkan penguasaan asas teori yang baik dan kemahiran bacaan semerta yang lancar, secara tidak langsung mereka telah membentuk peribadi dan identiti sebagai seorang pelajar muzik yang berkualiti dari aspek muzikaliti.

Guru pula akan bertindak sebagai pembimbing dan fasilitator kepada pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau ketika menjalani sesi





latihan muzikal. Justeru itu, guru muzik harus memainkan peranan dalam memberi penerangan dan kefahaman mengenai isi kandungan sukatan pelajaran pada sesi pertama pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dihadiri oleh pelajar.

Merujuk kepada permasalahan semasa melaksanakan sesi pengajaran di dalam kelas, saya dapat kebanyakkan pelajar tidak dapat membaca corak irama yang diberi dengan lancar. Ini adalah kerana mereka tidak memahami konsep nilai not, tempo dan corak irama itu sendiri. Walaupun telah didedahkan dengan konsep teori iaitu mengenai nilai not kepada pelajar, mereka masih janggal untuk mencuba untuk membaca notasi secara semerta dan hanya bergantung kepada bimbingan guru sahaja. Saya juga berpendapat bahawa kurangnya latihan dan masa sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi salah satu faktor penyebab pelajar ini tidak mahir membaca notasi secara semerta.

Dari segi penglibatan pelajar di dalam kelas, mereka sangat berminat apabila mengikuti kelas muzik terutamanya sesi praktikal bermain kibod. Namun, semasa membuat latihan bersama guru kebanyakkan pelajar lambat untuk membaca notasi seperti untuk membaca pic pada notasi, mengira nilai not dan mengikut detik lagu. Keadaan ini menyebabkan guru terpaksa membimbang pelajar yang lemah secara ansur maju sehingga mereka dapat memainkan satu corak irama dengan lancar. Sesi pengajaran selama 30 minit juga tidak mencukupi untuk mencukupi untuk sesi latihan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

10

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada 2 iaitu objektif umum dan objektif khusus :

### 1.4.1 Objektif Umum

Kajian ini akan meninjau penggunaan kibod dalam meningkatkan kemahiran bacaan semerta pelajar terhadap pembelajaran aspek nilai not, corak irama, detik dan tempo. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan nilai PNGK sekolah dengan peningkatan peratusan

kelulusan Pendidikan Muzik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.4.2 Objektif Khusus

1. Kajian ini akan meninjau penggunaan kibod dalam meningkatkan kemahiran bacaan semerta pelajar dari aspek nilai not.
2. Kajian ini akan meninjau penggunaan kibod dalam meningkatkan kemahiran bacaan semerta pelajar dari aspek corak irama.
3. Kajian ini akan meninjau penggunaan kibod dalam meningkatkan kemahiran bacaan semerta pelajar dari aspek detik.
4. Kajian ini akan meninjau penggunaan kibod dalam meningkatkan kemahiran bacaan semerta pelajar dari aspek tempo



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dicadangkan ini berhasrat untuk membantu pelajar muzik Tingkatan 1 untuk mahir membaca notasi secara bacaan semerta. Di antara persoalan kajian yang menjadi fokus untuk permasalahan yang akan saya kaji ialah:

1.5.1 Bagaimana bahan bantu mengajar kibod dapat membantu pelajar menguasai kemahiran ‘bacaan semerta’?

1.5.2 Adakah pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bacaan semerta dari aspek nilai not?

1.5.3 Adakah pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bacaan semerta dari aspek corak irama?

1.5.4 Adakah pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bacaan semerta dari aspek detik?

1.5.5 Adakah pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bacaan semerta dari aspek tempo?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.6 Definisi Istilah

### i) Bacaan Semerta

Menurut Payne (2005), bacaan semerta bermaksud “ *the ability to hear the notes on the page is clearly akin to music reading and should be considered a prerequisite for effective performance...Egregious errors can occur when student, analyzing a piece of music, makes no effort to play or hear the composition but mechanically processes the notes on the page* ”. (Payne, Dorothy (2005), "Essential Skills, Part 1 of 4: Essential Skills for Promoting a Lifelong Love of Music and Music Making", *American Music Teacher* (Cincinnati, OH: Music Teachers National Association), February/March, 2005,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

<http://www.mtna.org/Default.aspx?tabid=312>

### ii.) Kibod

Kibod atau ‘*keyboard*’ dari segi bahasa ialah papan kekunci atau deretan punat seperti pada papan piano atau organ. Dalam konteks muzik, kibod ditafsirkan sebagai ‘*papan nada*’ yang mengandungi sejumlah kekunci yang telah ditentukan nada tersendiri, disusun dari kiri ke kanan bermula dengan nada yang lebih rendah kepada nada yang lebih tinggi.

Merujuk kepada kamus, definisi pertama alat muzik kibod. ialah ‘*a component of many instruments including the piano, organ, and harpsichord consisting of usually black and white keys that cause different tones to be produced when struck*’.





kedua ialah '*a device with keys of a musical keyboard, used to control electronic sound-producing devices which may be built into or separate from keyboard device*'.

(<http://www.allwords.com/word-keyboard.html>

## 1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini dibuat atas desakan dan usaha untuk mencapai objektif di dalam pengajaran dan pembelajaran asas teori muzik khasnya di dalam pembacaan notasi mengikut corak irama dengan betul. Sebagai seorang guru Pendidikan Muzik, saya berpegang kepada prinsip iaitu ingin melahirkan pelajar muzik yang berkualiti dari aspek muzikaliti seiring dengan keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial sepertimana yang disarankan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Apabila kita dapat melahirkan pelajar yang cemerlang di dalam bidang yang mereka ceburi khasnya di dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik ianya akan menjadi satu kepuasan dan kejayaan kepada seseorang guru. Oleh itu, signifikan kajian ini adalah untuk memberi informasi dan manfaat kepada semua pihak seperti Universiti, Institut Perguruan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian sekolah dan sebagainya.





- i) Hasil kajian ini nanti boleh dijadikan panduan kepada guru bila memilih bahan yang melibatkan pengajaran meningkatkan kemahiran mendengar dalam pembelajaran muzik.
- ii) Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan bila menggubalkan sukatan.
- iii) Hasil kajian ini juga boleh dijadikan bahan bengkel kepada guru-guru sekolah.
- iv) Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan pendidikan di Malaysia selain Kementerian Pelajaran seperti Institut Pendidikan Guru atau pusat pengajian tinggi.



## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 15 orang pelajar Muzik Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Kangar Perlis. Kesemua pelajar adalah daripada kaum Melayu. Pecahan mengikut jantina ialah 5 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Kesemua pelajar akan digunakan untuk kajian tindakan ini bagi mendapat kebolehpercayaan instrumen.

Kajian ini juga hanya akan memfokuskan aspek nilai not, corak irama, detik dan tempo dalam menguji kemahiran bacaan semerta pelajar dengan berbantuan alat kibod.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

15

Penekanan pengajaran hanya difokuskan kepada empat aspek sahaja bertujuan untuk memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai kemahiran asas seperti mengenal dan memahami nilai not, dapat membaca corak irama yang mudah dan menguasai detik dan tempo semasa latihan amali dijalankan.

Selain itu, saya memilih kibod kerana ianya mempunyai alat metronome yang boleh memberi panduan kiraan detik dan tempo lagu semasa latihan bacaan corak irama. Selain itu, kibod juga mempunyai pelbagai jenis bunyi alat muzik yang dapat menarik perhatian pelajar untuk berlatih menggunakan pelbagai jenis bunyi yang mereka suka.

Dan yang paling utama sekali ialah kerana kibod sememangnya telah diperuntukkan di sekolah sebagai salah satu bantu mengajar dan peluang ini perlu digunakan sepenuhnya di samping memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kibod.

Untuk menguji kemahiran pelajar di dalam kemahiran bacaan semerta ini, ujian berbentuk pra-ujian akan dijalankan ke atas pelajar. Pra-ujian akan dibuat di dalam dua kategori iaitu tanpa menggunakan kibod dan dengan menggunakan kibod.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi